

Headline	Tiada laporan penyebaran penyakit melalui kera setakat ini	Language	Malay
Date	09 May 2011	Page No	9
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)	Article Size	80 cm²
Section	Semasa	Color	Black/white
Journalist	N/A	ADValue	155
Frequency	Daily	PRValue	465
Circ / Read	23,655 /		



Tiada laporan penyebaran penyakit melalui kera setakat ini

KUANTAN: Kementerian Kesihatan setakat ini tidak menerima sebarang laporan mengenai penyebaran penyakit melalui kera, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Liow Tiong Lai.

"Saya nak tegaskan sehingga hari ini kami tidak ada lagi laporan bahawa kera membawa penyakit kepada manusia.

"Bagaimanapun, kami akan menyiasat mengenai perkara ini," katanya kepada pemberita selepas melawat Klinik Kesihatan Bandar Kuantan dan Klinik Desa Indera Mahkota di sini, kelmarin.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan sebuah akhbar mengenai kajian Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) terhadap lebih 2,000 kera yang ditangkap sekitar bandar seluruh negara yang mendapati 80 peratus daripada haiwan itu menghidap penyakit berbahaya termasuk HIV, denggi, malaria dan tibi serta berisiko menjangkiti manusia.

Liow berkata jika terdapat jangkitan kepada manusia, pihaknya akan mengadakan program intervensi dan pencegahan secara menyeluruh bagi memastikan ia tidak merebak.

"Kalau dulu kita ada pengalaman ayam dijangkiti selepas burung dan berjangkit kepada orang ramai...kementerian adakan operasi intervensi besar-besaran untuk mengelak wabak ini berjangkit," katanya.

Liow bagaimanapun meminta orang ramai agar tidak bimbang dengan perkara itu kerana pihaknya bersama Jabatan Veterinar sentiasa melakukan program pemantauan penyakit berjangkit di kawasan kampung dan bandar.

Beliau turut menasihatkan orang ramai khususnya yang melawat tempat pelancongan agar berhati-hati ketika memberi makan kepada haiwan berkenaan supaya tidak mencederakan diri sendiri.

"Kita tidak tahu bila kera ini akan mengganas, kalau mengganas ia akan mencederakan kita dan boleh membawa padah, kita pun tidak tahu kera ini ada penyakit atau tidak," katanya. -Bernama